DALAM PERKARA PERMOHONAN AHMAD YAHAYA; MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG (PENCELAH)

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
NORDIN HASSAN PK
[SAMAN PEMULA NO: 24NCVC-209-03-2015]
11 SEPTEMBER 2015

PEWARISAN: *Pentadbiran pusaka – Tanah – Tanah wakaf – Permohonan membatalkan nama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang ('MUIPP') pada geran tanah – Sama ada tanah yang digunakan untuk tujuan keagamaan untuk tempoh yang lama boleh disifatkan sebagai wakaf – Sama ada tanah yang diwakafkan boleh dibatalkan oleh pihak ketiga*

UNDANG-UNDANG TANAH: *Wakaf – Tanah wakaf – Permohonan membatalkan nama MUIPP pada geran tanah – Sama ada MUIPP pemegang amanah tanah wakaf – Sama ada pendaftaran nama MUIPP pada geran tanah teratur – Sama ada penyerahan hak milik benefisial tanah kepada pemohon boleh dipertikaikan – Kanun Tanah Negara, ss. 340, 415(1)(a)*

Melalui satu surat ikatan pol bertarikh 30 April 1900 ('surat ikatan pol tersebut') berkaitan sebidang tanah ('harta pusaka tersebut'), pentadbir harta pusaka Bakar bin Mat ('si mati') dengan balasan sebanyak RM100, yang dibayar oleh Meenah binti Bakar, Lah bin Mat dan Sahid bin Saman telah menyerahkan kepada mereka hak sebagai wasi dan pentadbir harta pusaka tersebut. Kandungan surat ikatan pol tersebut adalah … 'in trust to apply the rents and profits from the said land in the performance of kanduries for Bahar deceased and for lighting the mosque at Lahar Kepar'. Walau bagaimanapun, nama pemilik-pemilik dalam daftar interim berdasarkan surat ikatan pol tersebut dipotong dan tercatat nama Ahmad bin Yahya ('pemohon'). Berdasarkan satu surat ikatan hadiah bertarikh 26 Mac 1965, Haji Udin bin Haji Omar ('Udin') iaitu datuk pemohon atas dasar kasih sayang telah menyerahkan milikan benefisial tanah pusaka tersebut kepada pemohon. Oleh demikian, pemohon, melalui lampiran 1, memohon, antara lain, untuk mendapatkan perintah mahkamah bagi membatalkan atau memotong nama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang ('MUIPP') pada geran harta pusaka tersebut. MUIPP dibenarkan menjadi pencelah dalam permohonan ini. MUIPP menegaskan bahawa tanah tersebut adalah tanah wakaf dan telah diletakhak atas nama MUIPP di bawah peruntukan s. 415(1)(a) Kanun Tanah Negara ('KTN'). MUIPP juga menegaskan bahawa tanah tersebut diwakafkan untuk masjid di Lahar Kepar berdasarkan surat ikatan pol tersebut. Pemohon dalam kes ini sebaliknya menghujahkan bahawa tanah tersebut bukan tanah wakaf dan dalam surat ikatan pol tersebut tiada perkataan jelas yang menyatakan tanah berkenaan telah diwakafkan.

A **Diputuskan (menolak lampiran 1 dengan kos):**

(1) Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang telah memutuskan bahawa tanah tersebut adalah tanah wakaf. Tiada sebarang rayuan dibuat terhadap keputusan Jawatankuasa Fatwa ini. Oleh itu, fatwa ini sah dan berkuat kuasa. Selain itu, undang-undang sivil menerima pakai prinsip bahawa apabila satu-satu tanah telah digunakan beberapa lama bagi tujuan keagamaan seperti kemudahan masjid ia boleh disifatkan sebagai wakaf walaupun tidak dinyatakan atau dilafazkan secara jelas bahawa ia untuk diwakafkan. (perenggan 19 & 24)

(2) Berdasarkan surat ikatan pol, tanah tersebut telah digunakan sebagai masjid Lahar Kepar untuk satu tempoh yang amat lama. Keputusan Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang yang memutuskan bahawa tanah tersebut adalah tanah wakaf adalah selaras dengan prinsip undang-undang. Oleh itu, tanah yang diwakafkan tidak boleh dibatalkan terutama oleh pihak ketiga. (perenggan 22 & 23)

(3) Wakaf merupakan perkara di bawah undang-undang Islam dan pentadbiran berhubung tanah wakaf dinyatakan dengan jelas di bawah ss. 89 hingga 95 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004. Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang sebagai pemegang amanah tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang dan oleh itu nama MUIPP telah didaftarkan dalam geran harta tersebut menurut peruntukan s. 415(1)(a) KTN. Oleh yang demikian, pendaftaran nama MUIPP pada geran tersebut teratur dan mematuhi kehendak undang-undang. (perenggan 25 & 26)

(4) Peruntukan KTN termasuk peruntukan hak milik tidak boleh sangkal di bawah s. 340 KTN tidak memberi kesan atau menjejaskan peruntukan undang-undang berkaitan wakaf. Di samping itu, pemohon tidak mengemukakan sebarang bukti atau dokumen yang menunjukkan Udin, pada bila-bila masa, telah didaftarkan sebagai pemilik benefisial tanah tersebut. Oleh itu, penyerahan milikan benefisial tanah tersebut oleh Udin kepada pemohon melalui surat ikatan pol adalah dipertikaikan. (perenggan 27 & 28)

Kes-kes yang dirujuk:

G Rethinasamy lwn. Majlis Ugama Islam Pulau Pinang & Satu Lagi [1993] 2 CLJ 605 HC ***(dirujuk)***

Mohamad Shah v. Fasihuddin Ansari & Others AIR [1956] SC 713 ***(dirujuk)***

Re Dato Bentara Luar Decd Hj Yahya Yusof & Anor v. Hassan Othman & Anor [1982] 1 LNS 16 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Administration of Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004, ss. 89, 90, 91, 92, 93, 94, 95
National Land Code, ss. 340, 415(1)(a)

Bagi pihak plaintif/perayu - Afzanizam Ibrahim (Mohamad Azrin Zakaria bersamanya); T/n Shariful Azhar & Partners
Bagi pihak defendan/responden - Noor Asyimah Ramli (Noor Akhza Ahmad Khairuddin bersamanya); T/n Noor Asyimah & Assocs

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Nordin Hassan PK:

Pendahuluan

[1] Lampiran 1 adalah permohonan Encik Ahmad bin Yahya ('pemohon') yang antara lain untuk mendapatkan perintah mahkamah bagi membatalkan atau memadamkan nama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang ('MUIPP') pada geran yang dikenali sebagai Geran Mukim 2393, Lot No. 4112, Mukim 05, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang ('harta tersebut').

[2] Pada geran harta tersebut, ada catatan pada bahagian 'Pemilikan dan Alamat' seperti berikut:

'MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG. 1/1 BHG'

[3] Sementara itu Majlis Agama Islam Pulau Pinang telah dibenarkan oleh mahkamah untuk menjadi pencelah dalam permohonan ini.

Ringkasan Fakta Relevan

[4] Satu 'deed poll' bertarikh 30 April 1900 berkaitan harta tersebut telah dilaksanakan antara pentadbir harta pusaka Bakar bin Mat ('si mati') dan Meenah binti Bakar, Lah bin Mat dan Sahid bin Saman. Pentadbir pusaka berkenaan adalah Seah binti Mat dan Fatimah binti Bahar.

[5] Dalam 'deed poll' bertarikh 30 April 1900 ini, pentadbir pusaka si mati tersebut, dengan balasan RM100 yang dibayar oleh Meenah binti Bahar, Lah binti Mat dan Sahid bin Saman telah menyerahkan kepada mereka hak sebagai wasi dan pentadbir harta pusaka berkenaan. Di antara kandungan dalam 'deed poll' berkenaan adalah:

> To hold the same premises unto and to the use of the said Meenah binti Bahar, Lah bin Mat, Sahid bin Saman, and Haji Fatimah binti Bahar, in trust to apply the rents and profits from the said land in the performance of Kanduries for Bahar deceased and for lighting the Mosque at Lahar Kepar.

[6] Berdasarkan dari 'deed poll' ini juga, dalam 'Interim Register' tanah berkenaan pada ruangan pemilik ('proprietor') ada catatan berikut:

> Maznah Haji Bahar 1/4)
> Lah bin Mat 1/4) 'As trustee for the mosque at
> Sahid bin Saman 1/4) Lahar Kepar' by D/Poll 55/93 - 30.4.1990
> Haji Fatimah bt Bahar1/4)

[7] Walau bagaimanapun, catatan ini telah dipotong dan terdapat catatan nama pemohon berdasarkan 'deed of gift' bertarikh 26 Mac 1965. Catatan yang dinyatakan adalah seperti berikut:

> Ahmad bin Yahya by D/Gift 1087/23 - 26.3.65.

[8] Dalam 'deed of gift' bertarikh 26 Mac 1965 ini, Haji Udin bin Haji Omar iaitu datuk kepada pemohon atas dasar kasih sayang telah menyerahkan pemilikan benefisial tanah tersebut kepada pemohon.

Isu Wakaf

[9] Pihak pencelah melalui afidavit yang diikrarkan oleh Setiausaha MUIPP, Encik Sazali bin Hussein menegaskan bahawa tanah tersebut adalah tanah wakaf dan telah diletakhak atas nama MUIPP pada 10 Mac 1998 di bawah peruntukan s. 415(1)(a) Kanun Tanah Negara.

[10] Pihak pencelah juga menegaskan bahawa tanah tersebut telah diwakafkan untuk masjid di Lahar Kepar berdasarkan kepada 'deed poll' bertarikh 13 April 1900 berkenaan.

[11] Pemohon dalam kes ini pula sebaliknya berhujah bahawa tanah tersebut bukan tanah wakaf dan dalam 'deed poll' bertarikh 13 April 1900 tiada perkataan yang jelas untuk menyatakan tanah berkenaan telah diwakafkan.

Dapatan Dan Keputusan Mahkamah

Isu Wakaf

[12] Isu pertama dalam permohonan ini adalah sama ada tanah tersebut telah menjadi tanah wakaf berdasarkan 'deed poll' bertarikh 13 April 1900.

[13] Berhubung perkara ini, adalah tidak dipertikaikan bahawa wakaf adalah merupakan perkara di bawah undang-undang Islam dan pentadbiran berhubung tanah wakaf ada dinyatakan dengan jelas di bawah s. 89 hingga s. 95 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004.

[14] Di bawah Enakmen ini juga, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang adalah merupakan pemegang amanah kepada semua tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang seperti yang diperuntukkan di bawah s. 89 yang menyatakan seperti berikut:

Notwithstanding any provision to the contrary contained many instrument declaration creating, governing or affecting it, the Majlis shall be the sole trustee of – A

(a) all wakaf, whether wakaf an or wakaf khas;

(b) all nazr am; and

(c) all trusts of every description creating any charitable trust for the support and promotion of the religion of Islam or for the benefit of Muslims in accordance with Hukum Syarak. B

to the extent of any property effected by the wakat, nazr am or trust and situated in the State of Penang. C

[15] Berkaitan tanah yang menjadi perkara dalam permohonan ini, Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang dalam mesyuaratnya pada 29 dan 30 April 2015 telah memutuskan bahawa tanah tersebut adalah tanah wakaf. Tiada sebarang rayuan dibuat terhadap keputusan Jawatankuasa Fatwa ini.

[16] Setelah meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan dalam permohonan ini terutama 'deed poll' bertarikh 13 April 1900, saya tidak mempunyai alasan untuk berbeza pandangan dengan pihak Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang yang arif mengenai undang-undang wakaf dalam Islam dan juga merupakan autoriti berhubung perkara-perkara undang-undang Islam. D E

[17] Dalam kes Mahkamah Persekutuan *Re Dato Bentara Luar Decd Haji Yahya Yusof & Anor v. Hassan Othman & Anor* [1982] 1 LNS 16; [1982] 2 MLJ 264, HMP Salleh Abas (pada ketika itu) di ms. 271 menyatakan:

The Mufti of Johore in his fetwa issued sometime in 1970 stated that the wakaf its valid. Whilst we are not bound to accept his fetwa as we are entitled to expound what the Islamic law on a given topic is, we are equally not bound to reject the opinion stated in the fetwa just because Islamic law is the law of the land and the duty to expound this law falls on us. In our view as the opinion was expressed by the highest Islamic authority in the State, who had spent his lifetime in the study and interpretation of Islamic law and there being no appeal against the fetwa to His Highness the Sultan in Executive Council under the relevant State Enactment - ie, Enactment No 48, now reenacted by Enactment No. 14 of 1979 - we really have no reason to justify the rejection of the opinion, especially where we ourselves were not trained in this system of jurisprudence and moreover the opinion is not contrary to the opinions of famous authors of books on Islamic law. F G H

[18] Seterusnya, dalam kes yang sama di ms. 271, dinyatakan lagi seperti berikut:

The validity or otherwise of this wakaf must be determined solely by reference to the Islamic law as understood, observed and interpreted by Muslim scholars trained and learned in the jurisprudence of Syariah law. I

A **[19]** Selain itu juga, undang-undang sivil menerima pakai prinsip bahawa apabila sesuatu tanah tersebut telah beberapa lama digunakan untuk tujuan keagamaan seperti untuk kemudahan masjid ianya boleh disifatkan sebagai wakaf walaupun tidak dinyatakan atau dilafazkan secara jelas bahawa ianya adalah untuk diwakafkan.

B **[20]** Dalam kes *Mohamad Shah v. Fasihuddin Ansari & Others* AIR [1956] SC 713 di ms. 714 dinyatakan:

> As matter of law is wakaf normally requires express dedication but if land has been used from time immemorial for religious purpose then the land is by user wakaf although there is no evidence of an express dedication.

C **[21]** Prinsip undang-undang ini diterima pakai di Malaysia di mana dalam kes *G Rethinasamy lwn. Majlis Ugama Islam Pulau Pinang & Satu Lagi* [1993] 2 CLJ 605, Hakim Abdul Hamid Haji Mohamed (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

D > Daripada perbincangan setakat ini bolehlah dibuat kesimpulan bahawa Mahkamah-Mahkamah di India dan juga Majlis Privy menerima prinsip bahawa wakaf untuk perkuburan dan masjid boleh wujud melalui penggunaan pada tempoh yang panjang, walau pun tiada keterangan terus mengenai pengwujudan dan walaupun tidak ada apa-apa suratan mengenainya. Mahkamah Agung di negara kita juga mengesahkan
E bahawa hak laluan awam boleh diwujudkan melalui penggunaan bagi tempoh yang panjang.
>
> Saya terima prinsip ini dan memutuskan bahawa ia boleh dipakai di negara kita.

F **[22]** Dalam kes oleh pemohon ini, berdasarkan 'deed poll' bertarikh 13 April 1900, tanah tersebut telah digunakan untuk kemudahan bagi masjid Lahar Kepar pada satu tempoh yang amat lama dan keputusan Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang memutuskan tanah tersebut adalah tanah wakaf adalah selaras dengan prinsip undang-undang seperti yang telah dinyatakan.

G **[23]** Selanjutnya tanah yang telah diwakafkan tidak boleh dibatalkan terutama oleh pihak ketiga. Ini adalah kerana pemilik tanah wakaf dalam Islam adalah pada Allah dan pihak-pihak yang didaftarkan dalam geran tanah wakaf hanyalah sebagai pentadbir tanah berkenaan seperti dalam kes ini iaitu Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

H Ini jelas dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Re Dato Bentara Luar* (*supra*) di ms. 272 seperti berikut:

> A valid wakaf, like the one under appeal, takes effect immediately 'from the moment of its creation. The ownership of the wakaf property is in law immediately vested in God Almighty. The legal requirement that the
I property must be registered in the name of the beneficiary or the mu'tawalli is only for the purpose of its administration.

[24] Rumusan yang dapat dibuat di sini adalah pertamanya, berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang, tanah tersebut adalah tanah wakaf dan ianya selaras dengan prinsip undang-undang yang dinyatakan terdahulu. Keputusan Jawatankuasa Fatwa ini tidak pernah dicabar atau dibuat rayuan oleh pemohon sebelum ini. Oleh itu, fatwa ini adalah sah dan berkuat kuasa.

[25] Seterusnya s. 89 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang juga telah memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang sebagai pemegang amanah tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang dan oleh itu nama MUIPP iaitu pencelah dalam kes ini telah didaftarkan dalam geran harta tersebut menurut peruntukan s. 415(1)(a) Kanun Tanah Negara setelah mengisi dan mendaftarkan Borang 30A pada 10 Mac 1998.

[26] Oleh yang demikian, pendaftaran nama pencelah pada geran tersebut adalah teratur dan mematuhi kehendak undang-undang.

[27] Di samping itu, peruntukan Kanun Tanah Negara termasuk peruntukan hakmilik tidak boleh sangkal ('indefeasibility of title') di bawah s. 340 tidak memberi kesan atau menjejaskan peruntukan undang-undang berkaitan wakaf. Dalam kes *G Rethinasamy v. Majlis Ugama Islam Pulau Pinang* (*supra*) dinyatakan di ms. 615 seperti berikut:

> Seksyen 4(2) Kanun Tanah Negara, antara lain, memperuntukkan:
>
> (2) Except in so far as is expressly provided to the contrary, nothing in this Act shall effect the provisions of
>
> (a)
>
> (b)
>
> (c)
>
> (d)
>
> (e) any law for the tie being in force relating to wakaf or baitulmal.
>
> Ini bererti, jika Bahagian "A" itu tanah wakaf, peruntukan Kanun Tanah Negara, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya dengan nyata (tidak ada peruntukan sedemikian), tidak terpakai. Ini, pada pandangan saya, termasuklah peruntukan s. 340 itu.

[28] Di samping itu, satu perkara yang jelas dalam kes ini adalah pemohon tidak mengemukakan sebarang bukti atau dokumen yang menunjukkan Hj Udin bin Hj Omar, pada bila-bila masa telah didaftarkan sebagai pemilik benefisial tanah tersebut. Oleh itu penyerahan pemilikan benefisial tanah tersebut oleh Hj Udin bin Hj Omar kepada pemohon melalui deed of gift bertarikh 26 Mac 1965 adalah dipertikaikan. Lebih-lebih lagi tanah tersebut adalah tanah wakaf.

A **Kesimpulan**

[29] Berdasarkan huraian fakta dan prinsip undang-undang yang dinyatakan permohonan di lampiran 1 adalah ditolak.

[30] Pemohon juga diperintahkan untuk membayar kos RM3,000 kepada
B pencelah dalam kes ini.

C

D

E

F

G

H

I